

# Kes harta pusaka dijangka meningkat

Selepas penguatkuasaan pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1995 (Akta 98) dikuatkuasakan

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**

**HARI TANAH NEGARA**

**K**ementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) menjangkakan menerima peningkatan kes pembahagian harta pusaka daripada 60,000 kepada 120,000 kes setahun.

Timbalan Menteri, Datuk Ali Biju berkata, peningkatan 100 peratus itu berlaku selepas penguatkuasaan pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1995 (Akta 98) dikuatkuasakan.

“Jangkaan kes ini perlu dihadapi oleh Bahagian Pembahagian Pusaka (BPP) dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) walaupun sekarang mempunyai tunggakan 72,348 kes sedia ada susulan gangguan operasi akibat

pandemik Covid-19,” katanya kepada pemberita selepas hadir pada Persidangan Pentadbiran Tanah sempena sambutan Hari Tanah Negara di sini pada Isnin.

Menurutnya, draf Peraturan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 telah selesai disemak oleh Unit Undang-undang kementerian dan dihantar ke Jabatan Peguam Negara pada 24 Jun lalu untuk pertimbangan.

“Apabila peraturan tersebut dimuktamadkan, pindaan akta itu secara teknikalnya sudah pun sedia untuk dikuatkuasakan,” katanya.



**ALI BIJU**

Beliau berkata, seramai 100 kakitangan tambahan telah dilantik dengan kontrak selama tiga tahun sebagai penyelesaian jangka pendek menangani tunggakan kes pembahagian pusaka

sedia ada.

“Kebiasaannya satu kes akan diselesaikan dalam tempoh tiga hingga enam bulan,” katanya.

Ali dalam ucapannya berkata, kementerian juga melaksanakan jajaran pendigitalan tanah merentasi sempadan menerusi sistem e-Tanah.

“Sistem ini membolehkan orang awam termasuk komuniti perniagaan yang berurusan dengan pentadbiran kerajaan tanah seperti carian persendirian, pembayaran cukai dan semakan status permohonan lebih lancar serta mudah,” katanya.

Ujarnya, sejak kejayaan pelaksanaan sistem e-Tanah di Kuala Lumpur, kerajaan memutuskan untuk memperluaskan ke lapan negeri dan dua wilayah menerusi kerjasama awam dan swasta.

“Sehingga kini, sistem ini berjaya dibangunkan di Perak, Putrajaya dan Labuan dan jangkaan sistem e-Tanah di negeri-negeri lain dapat dilaksanakan menjelang 2024,” kata beliau.

## Objek dipercayai serpihan roket milik China ditemui di Miri

**MIRI** - Polis Miri mengesahkan terdapat serpihan logam dipercayai bahagian roket Long March 5B milik China terbenam berdekatan sebuah rumah di Sepupok, Batu Niah kira-kira 81 kilometer ke selatan dari sini.

Ketua Polis Daerah Miri, Asisten Komisioner Alexson Naga Chabu berkata, pihaknya menerima laporan mengenai penemuan objek itu pada Ahad dan menerusi tinjauan yang dilakukan, serpihan logam itu didapati terbenam kurang satu meter di dalam tanah.

Bagaimanapun, pihaknya tidak dapat mengesahkan asal usul logam tersebut dan telah meminta bantuan Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (Hazmat) Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk menganalisis tempat tersebut.

“Kita nasihati orang ramai agar tidak berada di kawasan berhampiran tempat kejadian kerana dibimbangi logam tersebut mengandungi bahan radioaktif yang boleh memudaratkan kesihatan,” katanya dalam kenyataan di sini pada Isnin.

Beliau berkata, kawasan itu di-

pantau rapi untuk memastikan tiada kejadian tidak diingini berlaku.

Katanya, orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat spekulasi atau menyebarkan berita palsu kerana ia boleh menimbulkan kegusaran dalam masyarakat dan disarankan menghubungi balai polis berdekatan untuk menyalurkan maklumat atau mendapatkan kepastian mengenai kejadian itu.

Pada Ahad, media melaporkan terdapat serpihan roket Long March 5B milik China dikesan melintasi ruang udara Malaysia di beberapa kawasan termasuk sekitar Sarawak.

MOSTI dalam kenyataan memaklumkan pemantauan secara berterusan pihaknya menerusi Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) serta kenyataan oleh Agensi Angkasa China mendapati kemusuk semula serpihan roket berkenaan ke ruang udara Bumi dikesan jam 12.55 tengah malam Sabtu waktu Malaysia.

Menurut MOSTI, sisa serpihan itu direkodkan jatuh di sekitar Laut Sulu iaitu kawasan antara latitud 9.1 darjah Utara dan longitud 119.0 darjah Timur. - *Bernama*

-FOTO: FB INFO TERKINI SARAWAK



Serpihan logam didapati terbenam kurang satu meter dalam tanah.

## GM Klang sokong Fun Walk Sinar Harian 16 diteruskan




**SHAH ALAM** - GM Klang menyokong acara Fun Walk *Sinar Harian* 16 yang diadakan di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini pada Ahad dengan menaja 1,500 *goodies bag* untuk diagihkan kepada peserta.

Pengurus Komunikasi Jenama GM Klang, Norsuhaida Othman berkata, selain meraikan ulang tahun *Sinar Harian* ke-16, penajaan tersebut juga sebagai salah satu aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) GM Klang kepada komuniti.

Menurutnya, penganjur Fun Walk *Sinar Harian* 16 yang mendapat sambutan memberangsangkan dan perlu diteruskan kerana mendidik masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat.

“*Sinar Harian* media yang telah dikenali apabila menganjurkan sesuatu program akan mendapat sambutan yang meluas.

“Ia menyatukan masyarakat untuk beraktiviti secara bersama-sama. Bukan ha-



Penyerahan beg oleh wakil Jabatan Komunikasi Jenama GM Klang, Eric Loo (kiri) kepada wakil *Sinar Harian*.

nya orang Melayu tetapi kaum Cina dan India juga turut serta,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, acara itu bukan program pertama memabitkan kerjasama antara GM Klang dengan *Sinar Harian*.

Jelasnya, hubungan baik antara dua syarikat telah bermula sejak 2015 lagi.

“Kita akan terus bekerjasama dengan *Sinar Harian* untuk melaksanakan aktiviti kemasyarakatan.

“Program sama wajar diteruskan, mungkin satu hari nanti GM Klang boleh berkolaboratif dengan *Sinar Harian*



**NORSUHAIIDA**

anjur Fun Walk di Klang pula.

“Ia bagus dan dapat memperkukuh perpaduan,” katanya.

Acara Fun Walk *Sinar Harian* 16 menyaksikan lebih 3,000 peserta menyertai program tersebut sempena ulang tahun penubuhan *Sinar Harian* pada 31 Julai.

Antara yang hadir Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri Johan Jaaffar; Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Tuan Kamarul Arief Tuan Soh.